



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



**KAEDAH HAFAZAN AKADEMI AL-QURAN AMALILLAH
(AKMAL) SPEED TAHFIZ PROGRAM (STP)**

*MEMORIZATION METHOD OF AKADEMI AL-QURAN AMALILLAH (AKMAL) -
SPEED TAHFIZ PROGRAM (STP)*

Muhammad Ammar Farhan Ramlan^{1*}, Elmi Baharuddin², Sharifah Noorhidayah Syed Aziz³, Nailah Ab Aziz⁴

- ¹ Jabatan Al-Quran dan Hadis, Akademi Pengajian Pertahanan Islam, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: ammarfarhan@upnm.edu.my
 - ² Jabatan Al-Quran dan Hadis, Akademi Pengajian Pertahanan Islam, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: elmi@upnm.edu.my
 - ³ Jabatan Tahfiz Al-Quran & Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Selangor, Malaysia
Email: sh.noorhidayah@uis.edu.my
 - ⁴ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Selangor, Malaysia
Email: naylahaziz95@gmail.com
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 13.10.2024

Revised date: 30.10.2024

Accepted date: 17.03.2025

Published date: 30.03.2025

To cite this document:

Ramlan, M. A. F., Baharuddin, E., Syed Aziz, S. N., & Ab Aziz, N. (2025). Kaedah Hafazan Akademi Al-Quran Amalillah (AKMAL) Speed Tahfiz Program (STP). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (57), 960-972.

Abstrak:

Perkembangan bidang hafazan semakin berkembang dari sehari ke sehari di pelbagai peringkat sama ada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan institut pengajian tinggi. Namun, menjadi satu permasalahan apabila kebanyakan pelajar yang tidak dapat menamatkan hafazan dalam tempoh yang ditetapkan atau melebihi tempoh masa hafazan. Berdasarkan permasalahan yang timbul ini, Akademi Al-Quran Amalillah (AKMAL) telah melaksanakan satu strategi bagi membantu pelajar-pelajar tahfiz yang ketinggalan dalam hafazan. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengkaji kaedah hafazan yang diamalkan oleh AKMAL dalam melahirkan pelajar yang mampu menghafaz dalam tempoh minima satu tahun. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian kes. Temubual telah dijalankan ke atas 5 orang informan yang terdiri daripada 4 orang pelajar dan seorang guru. Data yang diperoleh ditranskripsi dan dianalisis secara tematik. Hasil dapatan mendapati bahawa kaedah hafazan AKMAL STP telah menggabungkan beberapa kaedah asas dan pendekatan tiga segi iaitu pendekatan sokongan dari guru, ibu bapa dan komitmen pelajar itu sendiri. Selain itu, kaedah AKMAL

DOI: 10.35631/IJEPC.1057061

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)

STP ini berjaya melahirkan ramai pelajar yang mampu menghafaz dalam tempoh minima satu tahun. Diharapkan semoga kajian ini dapat menarik minat pelajar dan ibu bapa mengikuti kaedah hafazan ini.

Kata Kunci:

Al-Quran; Amalillah; Fast Track; Speed Tahfiz Program; Tahfiz

Abstract:

The field of memorization is growing steadily at various levels, including primary, secondary, and higher education institutions. However, a common issue arises when many students are unable to complete their memorization within the specified time frame or exceed the allotted period. To address this challenge, Akademi Al-Quran Amalillah (AKMAL) has implemented a strategy to support tahfiz students who are falling behind in their memorization progress. This study aims to examine the memorization method practiced by AKMAL in helping students memorize the Quran within a minimum period of one year. This qualitative research adopts a case study approach, with interviews conducted with five informants, consisting of four students and one teacher. The data obtained was transcribed and analyzed thematically. The results reveal that AKMAL's STP memorization method combines several basic techniques and a three-pronged approach involving support from teachers, parents, and the students' own commitment. Additionally, the AKMAL STP method has successfully enabled many students to complete their memorization within one year. It is hoped that this study will encourage both students and parents to adopt this effective memorization method.

Keywords:

Al-Quran; Amalillah; Fast Track; Memorize; Speed Tahfiz Program

Pengenalan

Al-Quran merupakan wahyu daripada Allah SWT yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril AS. Al-Quran terpelihara sejak dari awal penurunannya sehingga kini. Salah satu cara pemeliharaan tersebut ialah melalui hafazan al-Quran di kalangan umat Islam (Al-Ḥamad & Al-Tayyār, 2021). Usaha ke arah memelihara al-Quran sentiasa maju berkembang seiring dengan peredaran zaman. Pada peringkat awal, hanya surah al-Fatihah dan sekitar juzuk ke-30 sahaja yang dihafaz oleh umat Islam. Tidak ada lagi institusi pendidikan khusus berkenaan dengan hafazan dibina. Namun, selepas beberapa fasa masa, umat Islam mula melihat kepentingan menghafaz al-Quran di kalangan masyarakat. Bermulalah fasa kewujudan institusi tahfiz yang merintis sistem kurikulum hafazan al-Quran secara rasmi. Di Malaysia, institusi tahfiz al-Quran bermula sekitar tahun 1966 (Mohd Toriq, 2018). Perkembangan bidang hafazan semakin berkembang dari sehari ke sehari. Di Malaysia, bidang hafazan berkembang di pelbagai peringkat, sama ada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan institut pengajian tinggi (Jamalil, 2017 & Siti Aisyah, 2020).

Hafazan merupakan satu kaedah pedagogi dalam pembelajaran yang membawa maksud suatu proses yang menekankan pengalaman bermakna, menyimpan dan mengeluarkan kembali pengalaman tersebut ketika diperlukan (Siti Suriyani, 2018). Hafazan memerlukan kekuatan daya fikiran (*quwwah dhākirah*) dan usaha yang konsisten dari seseorang individu yang

menghafaz al-Quran. Hafazan memerlukan pengorbanan dan usaha yang konsisten dan kekuatan ingatan bagi memastikan hafazan terpelihara dan diingati dari lupa atau rosak (Zulkifli al-Bakri, 2021).

Kebiasaannya, tempoh masa yang di ambil oleh seseorang pelajar di sekolah mahupun di institut pengajian tinggi adalah dalam sekitar 2-5 tahun. Pelbagai faktor yang mempengaruhi perbezaan tempoh masa yang diambil untuk menamatkan hafazan. Antara faktor yang telah dikenal pasti adalah faktor kekuatan daya fikiran, komitmen diri sendiri, motivasi, persekitaran, sokongan keluarga dan bimbingan guru. Hasil tinjauan kajian lepas, kebanyakan pelajar yang tidak dapat menamatkan hafazan dalam tempoh yang ditetapkan atau melebihi tempoh masa hafazan bukanlah kerana mereka tidak mampu untuk menghafaz, akan tetapi kerana tiada perancangan yang betul serta kurang dorongan (*push factor*) dalam diri untuk menghabiskan hafazan mereka (Sharifah Noorhidayah, 2022). Kajian lain juga menunjukkan bahawa kaedah hafazan yang sistematik dan berstruktur dari segi sistem penilaian dan pemantauan yang betul mampu meningkatkan motivasi pelajar dalam menghafazan al-Quran (Abdullah, A et al, 2024). Selain itu, kajian terperinci terhadap kaedah kontemporari hafazan al-Quran merupakan suatu keperluan semasa bagi menyesuaikan pembelajaran hafazan al-Quran generasi masa kini (Nuril Ham et al, 2024).

Atas faktor ini, Akademi Al-Quran Amalillah (AKMAL) telah melaksanakan satu strategi bagi membantu pelajar-pelajar tahfiz yang ketinggalan dalam hafazan. AKMAL telah melaksanakan satu program *Fast Track* hafazan yang dikenali dengan *Speed Tahfiz Program* (STP). *Fast Track Tahfiz Strategy* merupakan satu inisiatif kepada isu pelajar dalam mengambil masa yang terlalu lama untuk menghafaz al-Quran. Bagi memastikan hasrat tersebut tercapai, AKMAL menetengahkan konsep 3 segi dalam pengurusan dan pengajarannya mereka iaitu pengurusan dan guru-guru, ibu bapa dan pelajar itu sendiri. Konsep ini merupakan tunjang utama dalam setiap gerak kerja dan pergerakan di AKMAL. Selain itu, kewujudan AKMAL adalah bagi memenuhi impian bagi ibu bapa yang ingin melihat anak mereka sebagai manusia yang bermanfaat dan berakhlak soleh. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji kaedah hafazan yang dijalankan di Akademi A-Quran Akmalillah (AKMAL) dalam program *Speed Tahfiz Program* (STP).

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian kes. Kajian kes merupakan penyelidikan yang dilakukan secara intensif oleh penyelidik terhadap satu unit sosial seperti individu, satu keluarga, satu kampung, satu sekolah atau satu masyarakat (Mohd Majid, 1998). Kes yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah Kaedah Hafazan Akademi Al-Quran Akmalillah, *Speed Tahfiz Program* (STP). Akademi Al-Quran Akmalillah merupakan satu-satunya program tahfiz yang berfokus kepada *Fast Track Tahfiz*. Pendekatan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk pengkaji bertemu secara langsung dengan responden sekali gus memahami apa yang berlaku secara realiti menerusi interaksi dan komunikasi dua hala. Dalam kajian ini, pengkaji memilih lima orang informan yang terdiri daripada dua orang pelajar lelaki dan dua orang pelajar perempuan serta seorang guru al-Quran yang berpengalaman dalam bidang hafazan al-Quran.

Kajian ini menggunakan temubual, pemerhatian dan bahan audio visual sebagai instrumen kajian. Pemerhatian dijalankan secara berkala sepanjang kajian bagi melihat suasana program hafazan AKMAL *Speed Tahfiz Program* (STP) berlangsung. Pemerhatian terhadap guru al-

Quran pula dilihat bagaimana seseorang guru menerima hafazan dari pelajar dan bagaimana guru tersebut dapat membantu pelajar dalam menghabiskan hafazan. Pengkaji menggunakan bahan audio visual untuk merekodkan segala maklumat dan data daripada informan di dalam bentuk rakaman video serta rakaman suara semasa sesi temu bual dijalankan. Data yang diperolehi daripada temu bual, pemerhatian dan bahan audio visual ditranskripsi dengan teliti dianalisis secara deskriptif. Pengkaji juga menggunakan pendekatan induktif bagi menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif kajian.

Limitasi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menjelaskan limitasi kajian pada sudut tempat kajian, bilangan informan, jantina, umur informan dan bilangan juzuk hafazan al-Quran bagi mencapai objektif kajian. Kajian ini menumpukan informan dari kalangan pelajar dan guru Akademi Al-Quran Amalillah (AKMAL), Marang, Terengganu. AKMAL, Marang, Terengganu merupakan ibu pejabat AKMAL bagi cawangan yang lain. Bilangan informan seramai 5 orang yang terdiri dari 4 orang pelajar iaitu dua orang pelajar lelaki (kod I1 dan I2) dan dua orang pelajar perempuan (kod I3 dan I4) serta seorang guru al-Quran lelaki (kod I5). Umur informan dari kalangan pelajar sekitar 13 tahun sehingga 17 tahun dan guru berumur 28 tahun. Bilangan juzuk hafazan al-Quran dari informan kalangan pelajar sekitar 20 juzuk dan ke atas (lihat Jadual 1).

Jadual 1: Rumusan Limitasi Kajian

Informan (I)	Jantina	Umur	Bilangan Juzuk Hafazan
I1	Lelaki	Sekitar 13 tahun sehingga 17 tahun	Sekitar 20 juzuk dan ke atas
I2	Lelaki		
I3	Perempuan		
I4	Perempuan	28 tahun	30 juzuk
I5	Lelaki		

Dapatan Kajian

Sejarah Penubuhan AKMAL

Akademi Al-Quran Amalillah (AKMAL) mula ditubuhkan pada tanggal 1 Januari 2018 yang berpusat di Marang, Terengganu, Malaysia. AKMAL telah menjadi sebuah institusi pendidikan tahfiz yang pertama di Malaysia yang berjaya memperkenalkan sistem pembelajaran *Advance Tahfiz 1 Year Fast Track*. Selain itu, sistem ini juga menumpukan pengukuhan ilmu secara berfokus khususnya kepada hafazan al-Quran sahaja (AKMAL, 2018).

AKMAL mula diasaskan oleh Tuan Haji Hussin Ismail dan ahli keluarganya iaitu Ustaz Saifullah dan Ustaz Fakhurrazi Hussin atau juga lebih dikenali sebagai Imam Muda Fakhurul. Tuan Haji Hussin mempunyai 9 orang anak hasil perkongsian hidupnya bersama isteri tercinta iaitu Hajjah Rosemunainah. Kesemua anak beliau juga telah berjaya bergelar seorang hafiz dan hafizah seawal usia kecil lagi. Asas pendidikan yang dimiliki oleh beliau telah diadaptasi dan diperkembangkan lagi dengan beberapa rujukan institusi tahfiz dalam negara dan luar negara khususnya daripada negara Pakistan (AKMAL, 2018).

Lokasi ibu pejabat institusi AKMAL terletak di Terengganu, Malaysia yang beralamat di Lot 2123, Kampung Tebakang Bukit Payung, 21400, Marang, Terengganu. Selain di Terengganu, AKMAL juga telah berjaya membuka enam cawangan di serata Malaysia. Antaranya 1

cawangan di Terengganu iaitu di Kampung Undang, Bukit Payung. 3 cawangan di Selangor iaitu di Shah Alam, Rawang dan Banting. 1 cawangan di Johor iaitu di Ayer Hitam dan 1 cawangan di Kelantan iaitu di Pasir Mas (AKMAL, 2018).

Visi AKMAL ialah menjadi peneraju dalam Akademi Tahfiz “*Fast Track*” satu tahun menjelang 2025. Terdapat 3 misi AKMAL iaitu menghasilkan huffaz al-Quran dalam masa satu tahun, menjana generasi huffaz yang mengamalkan nilai-nilai Islam dan menjadi penyumbang kepada sistem pendidikan arus perdana dalam dan luar negara. Terdapat 3 halatuju AKMAL iaitu mensasarkan 70 buah pusat tahfiz menjelang tahun 2025 dengan jumlah minimum pelajar 60 orang bagi setiap cawangan. Kedua, jumlah keseluruhan dari setiap cawangan akan mampu menempatkan seramai 4200 pelajar AKMAL setahun bagi seluruh negara. Ketiga, dengan trend kejayaan 70% huffaz berjaya dilahirkan sebelum ini, sekitar 3000 huffaz berkualiti akan berjaya dihasilkan dalam satu tahun (AKMAL, 2018).

Kaedah Hafazan AKMAL *Speed Tahfiz Program* (STP)

Terdapat dua jenis pengajian yang dijalankan di AKMAL, Terengganu iaitu pengajian secara bersemuka dan pengajian secara atas talian. Pengajian atas talian dipanggil sebagai Akademi Tahfiz Online (AKMAL ONTOP). Berdasarkan pengalaman dari krisis pandemik Covid-19 pada tahun 2020, AKMAL ONTOP diwujudkan bagi membantu mereka yang mempunyai impian dan cita-cita besar untuk menjadi seorang penghafal al-Quran 30 juzuk secara atas talian dengan berkualiti (AKMAL, 2018).

Kaedah hafazan yang diaplikasikan oleh AKMAL dalam program STP ini ialah kaedah Deobandy. Empat pendekatan yang diterapkan iaitu *Sabaq* bermaksud hafazan baharu, *Sabqi* bermaksud mengulang hafazan juzuk semasa, *Manzil* bermaksud mengulang hafazan juzuk lama sebanyak satu juzuk dan *Mokhtar Khatam* iaitu mengulang keseluruhan satu juzuk secara lengkap dalam masa sehari sebelum memasuki juzuk yang baru. Didapati kaedah ini lebih menekankan proses pengulangan hafazan berbanding proses penghafazan. Proses penghafazan para pelajar berjalan selama 6 hari seminggu dan hari Sabtu merupakan hari cuti bagi para pelajar dan guru (AKMAL, 2018).

Bagi memastikan kualiti hafazan terus dipelihara dalam kalangan pelajar, pihak AKMAL tidak menerapkan sistem peperiksaan semata-mata tetapi menerapkan sistem pengujian (tebuk) hafazan sebelum menghafal juzuk yang baharu. Syaratnya ialah tidak melebihi 5 kesalahan besar. Sekiranya gagal, maka pelajar hendaklah mengulang semula sehingga lancar dan seterusnya layak untuk menghafal juzuk yang baharu. Pihak AKMAL juga turut menawarkan ujian Syahadah Hafazan kepada pelajar yang berminat. Ia adalah pilihan pelajar sendiri (AKMAL, 2018).

Jadual pengajian dan pembelajaran tahfiz secara fizikal dan atas talian menggunakan sistem dan jadual yang sama seperti pelajar yang duduk di asrama. Target umum bagi mencapai cita-cita menghafal al-Quran dalam tempoh setahun adalah menghafal dengan kadar minimum 2 juzuk sebulan (AKMAL, 2018).

Bagi memastikan cita-cita pelajar AKMAL menghafal al-Quran 30 juzuk tercapai dalam tempoh setahun, pihak AKMAL menerapkan konsep 3 SEGI dalam pengurusan dan pengajarannya iaitu pengurusan dan guru-guru, ibu bapa dan pelajar. Konsep ini merupakan tunjang utama dalam setiap gerak kerja dan pergerakan di AKMAL. Pendekatan psikologi

pendidikan dan pengurusan, telah menjadi elemen asas bagi membentuk pelajar AKMAL dalam menguasai hafazan dengan baik pada tempoh masa yang singkat. Konsep pertama ialah pihak pengurusan dan guru-guru. Keterlibatan pihak pengurusan institusi secara langsung dengan ibu bapa pelajar dalam memberikan laporan harian pelajar membuktikan bahawa AKMAL memandang serius tentang hubungan baik dan di antara kedua belah pihak. Setiap pihak memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan pelajar atau anak-anak berjaya menghafal al-Quran. Peranan para guru terhadap pelajar dalam konsep ini bukanlah hanya sekadar menyemak hafazan pelajar sahaja. Bahkan, ianya adalah merangkumi motivasi harian selama 30 minit sebelum kelas bermula, mengenal pasti potensi pelajar dan juga membantu pelajar secara terus untuk mencapai target yang telah ditetapkan oleh pihak institusi pengajian (AKMAL, 2018).

Seterusnya, peranan ibu bapa dalam konsep 3 SEGI AKMAL ini merupakan peranan terpenting dalam membantu pelajar bagi mencapai target hafazan mereka. Pihak AKMAL mempercayai bahawa melalui sokongan emosi dan sikap ambil tahu ibu bapa terhadap pelajaran anak-anak, ianya secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi semangat dan daya juang pelajar dalam menghafal al-Quran. Pihak AKMAL akan memberi laporan harian hafazan kepada pihak ibu bapa pada setiap hari setelah selesai sesi hafazan dengan memberi pangkat bagi setiap pencapaian hafazan para pelajar. Pihak AKMAL juga amat menggalakkan agar ibu bapa sering berjumpa dengan anak-anak supaya ibu bapa sentiasa mengambil berat akan keadaan dan prestasi anak masing-masing. Para pelajar juga dibenarkan untuk pulang ke rumah sebanyak 2 kali sebulan (AKMAL, 2018).

Terakhir, peranan pelajar itu sendiri perlu mempunyai azam dan kecekalan yang tinggi dalam menghabiskan hafazan mereka. Pihak AKMAL juga menegaskan bahawa tiada sistem denda fizikal yang dikenakan pada pelajar sebaliknya pihak AKMAL memberi galakan kepada para pelajar dengan memberi hadiah dalam bentuk wang tunai, piala, sijil, dan lencana. Sebagai galakan menghafal, pihak AKMAL telah memperkenalkan kempen 'Maraton Huffaz'. Melalui kempen ini, para pelajar akan sentiasa berada dalam 'mod sedar' dan bukan berada dalam zon selesa. Hadiah dalam kempen ini, para pelajar yang berjaya menghafal 3 juzuk dalam tempoh sebulan akan dikurniakan RM100, menghafal 4 juzuk dalam tempoh sebulan akan dikurniakan RM200 dan menghafal 5 juzuk dan ke atas dalam tempoh sebulan akan dikurniakan sebanyak RM300 (AKMAL, 2018).

Perbincangan

Kajian ini mendapati, pihak informan yang terdiri daripada pelajar dan guru Akademi Al-Quran Amalillah Terengganu (AKMAL) telah memberi kerjasama yang baik sepanjang sesi temu bual. Pengkaji akan membincangkan tiga tema setelah temu bual, pemerhatian dan analisis dibuat iaitu latar belakang informan AKMAL dan pengamalan hafazan AKMAL *Speed Tahfiz Program* (STP).

Latar Belakang Informan AKMAL

Antara maklumat diri yang dikongsikan oleh informan dalam kalangan pelajar adalah seperti umur, bilangan hafazan di AKMAL dan latar belakang sekolah sebelum melanjutkan pengajian di AKMAL (lihat Jadual 2).

'Umur 14 tahun. Saya sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Kampung Padang. Sekarang baru juzuk 27. Setahun lebih di AKMAL' (I1)

‘Umur 13 tahun. Dulu saya sekolah dekat Johor, Sekolah Tahfiz al-Quran Darul Irfan. Sekarang saya dah juzuk 27. 7 bulan di AKMAL.’ (I2)

‘Umur 14 tahun. Saya sekolah rendah dekat Sekolah Kebangsaan Kebor Besar, Sekolah Menengah di Imtiaz Kuala Terengganu. Sekarang hafal 20 juzuk semenjak bulan satu 2022.’ (I3)

‘Umur 17. Saya Sekolah Rendah di Dungun, kemudian sambung sekolah menengah di Darul Bayan. Masuk AKMAL pada tahun 2021. Sekarang hafal 25 juzuk.’ (I4)

Jadual 2: Rumusan Demografi Informan Pelajar

Informan (I)	Jantina	Umur	Bilangan Juzuk Hafazan	Tempoh Hafazan	Sekolah Sebelum Belajar Di AKMAL
I1	Lelaki	14	27	1 tahun	Sekolah Kebangsaan Kampung Padang
I2	Lelaki	13	27	7 bulan	Sekolah Tahfiz al-Quran Darul Irfan
I3	Perempuan	14	20	10 bulan	Sekolah Menengah Imtiaz Kuala Terengganu
I4	Perempuan	17	25	3 tahun	Sekolah Menengah Darul Bayan

Hasil maklumat diri daripada informan dari kalangan pelajar, pengkaji mendapati bahawa latar belakang yang berbeza tidak menjadi penghalang bagi mereka dalam menghafal al-Quran. Informan 1, 2 dan 3 berjaya menghafal al-Quran dalam tempoh yang singkat iaitu kurang dari setahun. Informan 1 hingga 4 juga turut berjaya melepasi hafazan sebanyak lebih daripada 20 juzuk al-Quran. Hal ini, menggambarkan bahawa AKMAL telah berjaya membentuk pelajar menghafal al-Quran dalam tempoh kurang dari setahun dengan menggunakan kaedah hafazan AKMAL *Speed Tahfiz Program* (STP).

Maklumat diri informan 5 dari kalangan guru pada sudut pengalaman mengajar di AKMAL dan latar belakang pendidikan (lihat Jadual 3).

‘Berumur 28 tahun. Bermula bertugas pada 2019. Seramai 6 orang pelajar sudah berjaya khatam hafaz 30 juzuk. Bermula dengan sekolah menengah Sekolah Menengah agama Tok Jiring atau sekarang ADHA, lepas tu melanjutkan pelajaran ke IQT, Institut Quran Terengganu atau nama sekarang Kolej Quran Terengganu, KQT, selepas tu melanjutkan pelajaran ke mesir dalam bidang Qiraat. Dan selepas balik terus mengajar di AKMAL.’ (I5)

Jadual 3: Rumusan Demografi Informan Guru

Informan (I)	Jantina	Umur	Bilangan Juzuk Hafazan	Latar belakang pendidikan	Pengalaman mengajar di AKMAL
I5	Lelaki	28	30 juzuk	- Sekolah Menengah Agama Tok Jiring (ADHA) - Kolej Quran Terengganu (KQT)	- Mula bertugas pada 2019

- Maahad Qiraat Al-
Azhar, Mesir

Pengamalan Hafazan AKMAL Speed Tahfiz Program (STP)

Perbincangan pengamalan hafazan AKMAL STP dalam kalangan pelajar pada sudut persediaan hafazan, bilangan muka surat yang dihafal pada sehari, kesan motivasi dan dorongan ibu bapa. Dari kalangan guru, perbincangan pada sudut pembahagian *halaqah*, ganjaran kepada pelajar dan *system punch card*.

Pengamalan persediaan hafazan dalam kalangan pelajar AKMAL adalah berbeza. Perbezaan persediaan hafazan ini juga memberi perbezaan pada hasil muka surat yang dihafaz (lihat Jadual 4).

‘Persediaan waktu sebelum menghantar hafalan baru tu , lancarkan sebelum subuh dan selepas subuh. Pastu kalau boleh jangan hantar dalam tengah hari atau petang, hafalan baru tu hantar pagi. Dan saya hafal dua muka ke atas.’ (I1)

‘Waktu maghrib tu saya lancar-lancarkan dulu, baca-baca, tengok-tengok, pastu dalam kelas saya lancarkan dan saya hafal pada sesi pagi. 5 hingga 7 muka surat saya hafal’ (I2)

‘Waktu maghrib tu saya lancarkan, pastu Subuh tu lancarkan dan hafal. Kebiasaan tasmi 4-5 muka, paling banyak 6-7.’ (I3)

‘Waktu malam dan waktu pagi menghafal. Waktu malam lepas isyak dengan pagi pukul 3. Kebiasaan saya hantar 3-4. Kadang-kadang 5-6.’ (I4)

Jadual 4: Rumusan Persediaan Hafazan Pelajar AKMAL

Informan (I)	Waktu Persediaan Hafazan	Bilangan Muka Surat Yang Dihafaz
I1	Sebelum dan selepas solat Subuh	2 muka surat & ke atas
I2	Selepas solat Maghrib dan ketika sesi kelas pagi	5 hingga 7 muka surat
I3	Selepas solat Maghrib dan selepas solat Subuh	6 hingga 7 muka surat
I4	Selepas solat Isyak dan 3 pagi	3 hingga 4 muka surat

Seterusnya, sesi motivasi yang diberikan kepada guru turut memberi kesan positif pada hafazan para pelajar AKMAL. Kesemua informan dari kalangan pelajar AKMAL menyatakan pendirian sama iaitu bersetuju bahawa motivasi pagi membantu meningkatkan pencapaian hafazan pelajar. Bukan sekadar kata-kata semangat sahaja diberikan bahkan guru turut memberi panduan hafazan al-Quran serta solusi pada setiap permasalahan yang dihadapi oleh para pelajar AKMAL seperti teknik hafazan dan pengulangan yang berkesan serta cara-cara mengatasi sikap malas dan tiada semangat (lihat Jadual 5).

‘Sangat membantu sebab kadang kadang ustaz memberi semangat kan, sebab kadang-kadang dalam motivasi tu ada dalam cara kita nak buat kalau kita down macam mana, macam malas ke.’ (I1)

‘Sangat-sangat membantu, sebab memberi semangat dan solusi macam mana nak hafal hafalan baru, nak ulang sabqi dan manzil.’ (I2)

‘Membantu sebab bagi dorongan sebab bagi semangat bila kita down tu lebih semangat nak hafal pagi.’ (I3)

‘Kalau saya, kalau rasa tak yakin nak hantar banyak lepas dengar motivasi tu rasa macam yakin lah nak hantar banyak.’ (I4)

Jadual 5: Rumusan Kesan Motivasi Hafazan Pelajar AKMAL

Informan (I)	Kesan Motivasi Pada Hafazan
I1	Keyakinan dan semangat menghafaz meningkat
I2	Keyakinan dan semangat menghafaz meningkat
I3	Keyakinan dan semangat menghafaz meningkat
I4	Keyakinan dan semangat menghafaz meningkat

Pendekatan dorongan ibu bapa juga memainkan peranan penting terhadap proses penghafazan al-Quran para pelajar AKMAL. Dorongan melalui komunikasi, emosi dan pemantauan daripada ibu bapa merupakan faktor penting bagi para pelajar dalam mengekalkan momentum hafazan al-Quran (Syed Aziz, S. et al, 2022). Didapati terdapat persamaan dan perbezaan pendekatan dorongan yang digunakan oleh ibu bapa (lihat Jadual 6).

‘Kebiasaannya waktu hari Sabtu kan ada waktu dengan ibu bapa, pastu waktu tu kita macam dia tanya kenapa sekian hari ni sikit, so kita cerita masalah-masalah, kita cerita masalah hari tu tersebut, pastu mak ayah bagi cadangan ini-ini bagi solusi pada masalah tu.’ (I1)

‘Ada waktu-waktu mak datang pastu kadang-kadang tanya berapa muka surat hantar hari ni. Sekian sekian pastu mak saya kata buat lebih lagi buat lebih lagi.’ (I2)

‘Kebiasaan masa waktu balik tu umi bagi semangat pastu kalau capai target tu umi bagi reward.’ (I3)

‘Banyak membantu, bagi reward kalau setiap minggu mak saya selalu mari pastu saya cerita pasal masalah saya kat situ, so umi bagi semangat dengan selalu ingatkan target saya.’ (I4)

Jadual 6: Rumusan Pendekatan Dorongan Ibu Bapa Kepada Pelajar AKMAL

Informan (I)	Kesan Motivasi Pada Hafazan
I1	Berjumpa pada hari Sabtu. Anak berkongsi masalah dan ibubapa memberi solusi.
I2	Ibu menziarahi anak dan bertanya bilangan muka surat yang dihafal dan ibu memberi kata-kata semangat.
I3	Ibu memberi kata-kata semangat semasa pulang ke rumah dan memberi ganjaran sekiranya mencapai target hafalan.
I4	Anak berkongsi masalah kepada ibu dan ibunya memberi kata-kata semangat bagi mencapai target hafalan. Setiap minggu, ibunya akan memberi ganjaran kepada anaknya.

Selanjutnya, perbincangan pengamalan hafazan AKMAL STP dari kalangan guru pada sudut pembahagian *halaqah* (kumpulan). Informan 5 diberi tanggungjawab membimbing seramai 6 orang pelajar perempuan. Empat daripadanya dapat mengikut kaedah AKMAL STP dengan baik iaitu menghantar hafazan al-Quran kepada gurunya setiap hari dan mencapai target bulanan yang telah ditetapkan oleh pihak AKMAL (Lihat Jadual 7).

‘Okay untuk halaqah saya, saya ni mengajar semua perempuan. 6 orang pelajar, daripada 6 orang tu yang berjaya ikut follow the step ni 4 orang daripada 6. Jadi kebanyakan kannya yang boleh follow the system ni adalah orang yang baru masuk tahun ni, kerana

apa system AKMAL ni sentiasa berubah setiap tahun, maknanya berubah ke arah lebih positif berbanding 4 tahun yang lepas.’ (I5)

Jadual 7: Rumusan Pembahagian *Halaqah* Pelajar AKMAL

Informan (I)	Pembahagian <i>Halaqah</i> Pelajar AKMAL
I5	6 orang pelajar perempuan

Pada sudut kualiti bacaan pelajar, keseluruhan pelajar mampu membaca dengan baik pada sudut hafazan dan tajwid. Para guru AKMAL juga memperketatkan syarat lulus hafazan dengan tidak melebihi dua atau tiga kali kesalahan ketika hafazan dibaca hadapan guru. Ini bertujuan bagi memastikan para pelajar AKMAL lebih peka terhadap bacaan dan hukum tajwid ketika proses menghafal. Tambahan lagi, ia juga adalah faktor bimbingan daripada guru dengan melaksanakan pendekatan *tahsīn* bacaan al-Quran serta memperdengarkan bacaan al-Quran daripada para *Muqri'* al-Quran yang muktabar selama 30 minit setiap hari (Lihat Jadual 8).

‘Kalau tahap kualiti tu, kebanyakannya baik lah sebab rasanya kalau lah tasmik tu saya dah tetapkan setiap kali sabaq hanya berapa je salah, maknanya diorang akan peka lah, *automatic* diorang akan peka, kalau dah dua tiga kali kena *reject*, diorang akan lagi pekalah dengan kesilapan tu.’ (I5)

‘Dan lagi satu, kita ada buat kelas orang panggil, bukan kelas, kita buat slot untuk tajwid, tajwid dan mendengar imam qari yang membaca selama 30 minit setiap hari. Ini tujuan untuk baiki bacaan pelajar, dan satu lagi nak bagi bacaan pelajar tu cantik lah mengikut qari yang diorang pilih.’ (I5)

Jadual 8: Rumusan Kualiti Bacaan Pelajar AKMAL

Informan (I)	Kualiti Bacaan	Pendekatan	
		Sudut hafazan	Sudut tajwid
I5	Baik sudut hafazan dan tajwid	Syarat lulus hafazan, tidak melebihi dua atau tiga kesalahan	<i>Tahsīn</i> bacaan al-Quran serta memperdengarkan bacaan para <i>Muqri'</i> al-Quran selama 30 minit

Informan 5 juga turut berkongsi berkaitan pendekatan persediaan hafazan para pelajar AKMAL. Di antaranya, kempen OPS Subuh dan *system punch card* juga diterapkan bagi memastikan disiplin pelajar AKMAL terkawal dan terjaga. Kempen OPS Subuh bertujuan memastikan para pelajar AKMAL bersedia lebih awal mendirikan solat Subuh serta hafazan. Pelajar AKMAL juga turut diberikan ganjaran sekiranya berjaya di dalam kempen ini. *System punch card* pula bertujuan mengetahui bilakah waktu tidur dan bangun para pelajar AKMAL bagi memastikan para pelajar bangun awal pagi dan menghadiri kelas pada waktu yang telah ditetapkan (Lihat Jadual 9).

‘Saya buat kempen, kita perbanyakkan kempen. Contoh saya buat kempen Ops Subuh, macam-macam lah. Ops subuh ni maknanya saya dah datang sekolah pukul 6 tu saya dah tercegat kat sini, dekat pelajar ni pukul 6 saya dah ada dekat sini maknanya diorang tahu diorang kena lebih awal dari guru. Laksanakan kempen lah, maknanya kempen, tapi kalau diorang berjaya kita bagi sesuatu lah maknanya.’ (I5)

‘Yang kedua kelas saya sekarang ni, saya perkasakan *system punch card*. Makna *punch card* ni saya buat saya nak tengok diorang tidur pukul berapa dan bangun pukul berapa. Sebab tu lah kalau tanya tadi tanya I3 dan I4 dia bangun pukul 3 pagi sebab memang

diorang kena bangun pukul 3 pagi sebab diorang kena punch card pukul 3 pagi, itu saya tetapkan dah. Maknanya kalau diorang bangun lebih daripada pukul 4 saya akan denda diorang. Maknanya diorang kena bangun sebelum pukul 4 dan mengaji..' (I5)

Jadual 9: Rumusan Pendekatan Persediaan Hafazan Para Pelajar AKMAL

Informan (I)	Pendekatan	Tujuan
I5	Kempen OPS Subuh	Mendirikan solat subuh dan menghafaz al-Quran lebih awal
	System punch card	Mengetahui waktu tidur dan bangun daripada tidur

Seterusnya, pengkaji juga turut bertanya tentang pendekatan terhadap pelajar yang tidak mencapai sukatan hafalan al-Quran yang telah ditetapkan. Informan 5 menjelaskan diantara pendekatan yang diterapkan ialah pendekatan *slow talk* secara peribadi. Disini, informan 5 berusaha mengenal pasti masalah yang dihadapi dan juga memberi solusi bagi menyelesaikan masalah tersebut. Selain itu, pendekatan ganjaran turut diterapkan bagi memberi galakan dan semangat kepada para pelajar AKMAL dalam mencapai sukatan hafalan al-Quran yang telah ditetapkan (Lihat jadual 10).

‘Benda pertama yang saya buat yang memang selalu saya buat dan tak pernah berhenti buat ialah *slow talk*, iaitu jumpa secara personal dan cakap lah yang pertama dalam *slow talk* tu kita kena tahu what the problem dan masalah tu dari bila lagi, then kita cari solusi kepada masalah tu kita bagi pendapat dan bagi solusi lah kepada pelajar tu.’ (I5)
 ‘... dalam skop kelas saya lah, *halaqah* saya, saya biasanya buat untuk pelajar ni capai target macam biasa *reward* lah, kita bagi *reward*. *Reward* yang kita janji apa-apa, pergi pasar malam pun diorang okay sebenarnya dapat keluar dari AKMAL ni.’ (I5)

Jadual 10: Rumusan Pendekatan Pelajar AKMAL Tidak Capai Sukatan Hafalan

Informan (I)	Pendekatan	Tujuan
I5	<i>Slow talk</i> secara peribadi	Mengenal pasti masalah dan memberi solusi
	Ganjaran	Galakan dan semangat dalam menghafal al-Quran

Rumusan

Berdasarkan perbincangan dan analisis temu bual, kajian ini telah mencapai objektifnya iaitu didapati kaedah hafazan AKMAL STP telah berjaya membentuk dan membantu para pelajar AKMAL mencapai cita-cita mereka iaitu menghafal al-Quran dalam tempoh setahun. Gabungan antara kaedah asas iaitu sistem hafazan Deobandy dan sistem tiga segi iaitu sistem sokongan dari guru, ibu bapa dan komitmen pelajar telah terbukti berhasil dalam mencapai misi penubuhan AKMAL.

Bagi memastikan kaedah AKMAL STP terus relevan, terdapat beberapa cadangan yang boleh diketengahkan sebagai kajian lanjutan antaranya mengkaji kualiti hafazan al-Quran dan penguasaan ilmu tajwid sama ada secara teori dan praktikal. Antara lain, kajian pendekatan hafalan al-Quran menggunakan bantuan teknologi dalam pencapaian hafalan al-Quran. Kajian seperti ini amat sesuai dengan perkembangan teknologi semasa yang menawarkan

kepelbagaian medium yang juga berpotensi membantu proses penghafalan al-Quran (Hussin, Hayati et al, 2024).

Oleh itu, penyelidikan kaedah AKMAL STP hendaklah diperluaskan dan diperincikan lebih mendalam supaya dapat mengenalpasti ruang penambahbaikan bagi memperkasa pencapaian pelajar dalam bidang hafalan al-Quran serta memastikan keberkesanan dan kesesuaian kaedah ini diteruskan kepada generasi yang akan datang. Pengkaji berharap kajian ini dapat memberi hasil sumbangan dalam pendidikan dan pembentukan sistem tahfiz al-Quran di Malaysia amnya dan seluruh dunia khususnya. Selain itu, kajian ini juga mampu memberi gambaran yang jelas kepada ibu bapa serta para pendidik terhadap sistem hafazan AKMAL STP.

Penghargaan

Penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada pihak UPNM atas dokongan sepanjang proses penulisan dijalankan serta rakan-rakan pensyarah yang sentiasa memberikan tunjuk ajar, cadangan serta bimbingan dalam menjayakan penulisan ini.

Rujukan

- Abdullah, A., Embong, A. H. , Azmi, R., Mokhtar, W. K. A. W., Alias, N. D. F., Chua, N. A., Ismail, F. A., Abdul Latif, M. N. H., Muhamad, F. H., & Ab Hamid, D. S. (2024). Integrasi Pendidikan Tahfiz dan Akademik: Integration of Tahfiz and Academic Education. *Global Journal Al-Thaqafah*, 60–72. <https://doi.org/10.7187/GJATSI122024-5>
- Al-Hamad & Al-Tayyar. (2021). *Al-Muyassar Fi 'Ulum al-Quran*. Jeddah: Dar Waqf Adhwa' al-Syatibiyah Li al-Nasyr. <https://hafizsetahun.com>
<https://tahfizonline.com>
- Hussin, Hayati et al. (2024). Dimensi Pelajar Terhadap Penggunaan Aplikasi Teknologi Maklumat Dalam Kursus Murajaah Al-Quran: Kajian Terhadap Pelajar Program Sarjana Muda Qiraat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, [S.l.], v. 6, n. 4, p. 85-93, dec. 2024. ISSN 2682-8138.
- Jamalil Ismail, Sabri Mohamad, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Nor Hafizi Yusof (2017). Strategi kecemerlangan institusi pendidikan tahfiz al-Quran di Malaysia: Satu tinjauan literatur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15: 55–65.
- Mohd Majid Konting. (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Toriq Yaacob & Abdul Razak Mohd Zain. (2018). *Perkembangan tahfiz al-Quran: Suatu Kajian Di Darul Quran*. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran, JAKIM.
- Nuril Ham Al Hafizah Zahari, & Sharifah Norshah Bani Syed Bidin. (2024). Trend Kajian Kaedah Kontemporari Pembelajaran Al-Quran: Soroton Dari Tahun 2019 Hingga 2023 : Trends in the Study of Contemporary Methods of Quranic Learning: A Review from 2019 to 2023. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 20(2), 319–340. <https://doi.org/10.33102/jmq.v20i2.495>
- Pelajar dan Guru Akademi Al-Quran Amalillah – AKMAL (10 Oktober 2022). *Kaedah Hafazan Berkonsepkan AKMAL Speed Tahfiz Program: Kajian di Akademi al-Quran Amalillah Terengganu*. Temu bual oleh M.A.F Ramlan & Nailah Ab. Aziz. AKMAL Terengganu HQ.

- Sharifah Noorhidayah Syed Aziz. (2022). Hubungan minat, kecemerlangan hafazan, penghayatan agama terhadap sahsiah pelajar tahfiz. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Aisyah Ab. Halim. (2020). Kaedah Hafazan Bagi Subjek Hifz Al-Quran: Kajian Terhadap Pelajar Diploma Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) dan Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Siti Suriyani, S. (2018). Kaedah hafazan: Suatu Tinjauan Ringkas. e-Journal of Islamic Thought and Understanding (e-JITU) 2(1): 44-59.
- Syed Aziz, S., Mastor, K. A., & Kasan, H. (2022). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pembentukan Sahsiah Pelajar Tahfiz: The Factors Affecting Personality Development among Tahfiz Students. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1), 259–271. Retrieved from <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/169>
- Zulkifli Mohd al-Bakri. (2021). Tips Hafazan al-Quran. Kuala Lumpur: Pustaka Cahaya Lestari Sdn Bhd.